



## " PEMUDA-PEMUDI HARAPAN AGAMA DAN BANGSA "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ  
إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk : **"PEMUDA-PEMUDI HARAPAN AGAMA DAN BANGSA"**.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Seringkali kita dengar cogan kata atau ungkapan bahawa "Pemuda adalah harapan bangsa" dan kadangkala terdengar sama "Pemudi adalah tiang negara". Ungkapan ini meniti di bibir-bibir segenap lapisan yang biasanya oleh pemimpin-pemimpin masyarakat. Ungkapan tersebut pastinya mengheret dan mendorong kita untuk melihat dan menilai adakah mereka benar-benar dapat diharapkan sebagai harapan agama, bangsa dan negara?

Sebenarnya generasi muda hari ini menghadapi cabaran dan peranan yang penting. Generasi muda berperanan memacu negara ke arah yang lebih maju dan lebih baik. Generasi muda adalah masa depan agama dan negara. Sekiranya generasi muda hari ini rosak, maka akan rosaklah agama dan negara pada masa akan datang. Namun, sekiranya generasi muda hari ini adalah mereka yang teguh akidahnya, kukuh imannya, indah budi pekertinya, maka agama dan negara kita akan berada di dalam situasi yang diharapkan semua.



Dalam Islam, generasi muda mendapat kedudukan dan menjadi tumpuan penting dalam al-Quran dan al-Sunnah. Generasi muda dalam Islam bukan sahaja dianggap sebagai "harapan agama dan negara" tetapi mereka turut disifatkan sebagai "penjaga agama".

Al-Quran telah membawakan contoh kisah ashab al-Kahfi iaitu penghuni gua yang teguh akidah mereka, kukuh iman mereka, indah budi pekerti mereka. Mereka hidup di bawah pemerintahan raja yang zalim dan masyarakat yang rosak agama dan akhlaknya. Mereka mempunyai kedudukan sehinggakan Allah SWT menyifat dan memuji mereka sebagai "orang-orang muda yang beriman kepada Allah, dan Allah tambahkan bagi mereka hidayah dan petunjuk".

Sejarah Islam membuktikan bahawa Islam telah diperjuangkan, dipertahankan dan disebarikan oleh generasi-generasi muda di sisi Rasulullah s.a.w. Saidina Ali R.A merupakan kanak-kanak yang mula-mula beriman kepada Rasulullah s.a.w dan beliau telah mengambil tempat tidur Baginda sewaktu kaum Quraisy mahu membunuh Baginda. Saidina Abu Bakar RA telah memeluk Islam sewaktu umur 38 tahun dan beliau telah menginfak seluruh hartanya untuk perjuangan Islam. Saidina Umar RA telah memeluk Islam sewaktu umurnya 26 tahun. Manakala Saidina Saad bin Abi Waqqas, Saidina al-Zubair bin al-Awwam, Saidina Talhah bin Ubaidillah, semua mereka memeluk Islam sewaktu berumur belasan tahun. Kesemua mereka ini adalah tonggak kepada perkembangan Islam sehingga mereka diangkat kedudukan sebagai 10 sahabat yang telah dijamin Syurga.

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**



Masa depan negara sama ada dari segi syakhsiah, ekonomi, sosial mahu pun agama terletak di tangan generasi muda. Sekiranya generasi muda kini berpenampilan songsang, maka songsanglah agama, bangsa dan negara di masa hadapan. Inilah cabaran kepada generasi muda pada hari ini. Ketahuilah, sesungguhnya serangan musuh Islam terhadap Islam atau penganutnya datang dalam pelbagai cara sama ada serangan ideologi, budaya, identiti, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Serangan ideologi dari musuh Islam kini datang bukan sahaja dalam bentuk dakyah agama-agama bukan Islam seperti Hindu, Buddha atau Kristian, tetapi ianya datang dengan identiti yang lebih mengelirukan seperti Sekularisme iaitu fahaman yang memisahkan nilai-nilai keagamaan dengan kehidupan dunia. Liberalisme iaitu fahaman yang mahukan kebebasan tanpa panduan. Pluralisme iaitu fahaman yang menyatakan bahawa setiap agama itu sama sahaja tujuannya.

Ada pun serangan terhadap budaya atau identiti bangsa dan agama dirancarkan musuh Islam melalui media massa tempatan dan antarabangsa. Generasi muda yang tidak mempunyai kesedaran terus hanyut mengikut arus dengan mencontohi gaya kehidupan yang melalaikan serta jauh dari panduan Tuhan. Generasi sebegini hidup seakan-akan tidak memikirkan masa hadapan. Apa yang penting adalah keseronokan, glamor dan hiburan. Atas slogan "Hak asasi manusia" dan "Kebebasan", identiti bangsa dan agama sedikit demi sedikit cuba dikikis dan dihapuskan.

Manakala serangan terhadap ekonomi dan pendidikan adalah dengan menjadikan barat sebagai kiblat dalam panduan. Sedarlah, sesungguhnya kemajuan umat Islam tidak boleh mengikut acuan barat yang bertentangan syariah kerana kemajuan mereka jauh dari dasar



agama sedangkan kemajuan Islam perlu didirikan di atas dasar agama. Ingatlah, sebagai muslim seharusnya minda kita tidak boleh berada di takuk yang lama. Minda muslim harus kreatif, inovatif dan berdaya saing agar umat Islam terus maju, cemerlang dan terbilang.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pemuda pemudi mestilah mempersiapkan diri untuk kemajuan agama dan bangsa di masa hadapan. Antaranya adalah;

Pertama : Mengukuhkan akidah dan jiwa yang teguh dengan Islam. Sesungguhnya setiap individu masyarakat perlu memainkan peranan ini dengan bekerjasama. Sama ada sebagai pemimpin, ketua keluarga, ayah, ibu, guru dan sebagainya. Kesemuanya perlu berusaha menghidupkan keimanan dalam jiwa generasi muda. Sesungguhnya iman adalah perisai yang menjauhkan manusia daripada perbuatan maksiat.

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ  
مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِينَ  
يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَشْرَبُ  
الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ.



*"Tidak berzina seorang pezina ketika dia sedang berzina dia dalam keadaan beriman (iaitu iman yang sempurna), tidak mencuri seorang pencuri ketika dia sedang mencuri dia dalam keadaan beriman, tidak meminum arak seorang peminum arak ketika dia sedang minum arak dia dalam keadaan beriman..."*

*(Riwayat Muslim)*

Kedua : Memperkaya ilmu dan pengetahuan agama. Sesungguhnya sesebuah negara yang maju menurut Islam bukan sahaja maju dari sudut keilmuan dan kebendaan semata-mata. Tetapi negara yang maju menurut Islam ialah negara yang dapat menjaga kualiti kehidupan, agama, akal, hartabenda, dan keturunan rakyatnya. Justeru, pengetahuan keduniaan dan keagamaan perlulah sama-sama diberikan perhatian agar lahirnya pemimpin dan rakyat yang tahu haknya terhadap pencipta dan hak sesama makhluk Allah.

Ketiga : Memelihara akhlak dan menghindari masalah sosial. Sesungguhnya Islam datang untuk memperbaiki tingkah laku manusia sesuai dengan fitrah dan tabiat manusia.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ.

*"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang baik".*



*(Riwayat Al-Bukhari)*

Keempat : Mempunyai semangat cinta yang tinggi terhadap agama dan Negara. Generasi yang meyakini dan memahami Islam pasti akan menjaga dan mempertahankan keyakinan mereka. Semangat cinta yang tinggi terhadap agama akan meletakkan Islam di tempat yang selayaknya. Manakala semangat cinta yang tinggi terhadap negara akan memajukan negara dan bangsa.

Kelima : Bersama-sama membentuk dan membangunkan negara. Setiap individu berperanan membangunkan negara berdasarkan portfolio atau kedudukan masing-masing. Sama ada sebagai seorang pemikir, pendidik, jurutera, doktor, mekanik dan sebagainya. Kesemuanya perlu memberi sumbangan dalam membangunkan negara. Justeru, generasi muda perlulah bercita-cita tinggi. Pendidikan yang diterima kini diperingkat sekolah rendah, menengah atau universiti bukanlah hanya untuk mendapatkan kerjaya dan pendapatan yang baik di masa hadapan. Tetapi ianya lebih iaitu untuk memaju dan menaikkan taraf kedudukan bangsa dan negara.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pengajaran yang dapat dirumuskan daripada khutbah pada hari ini ialah:

Pertama : Sesungguhnya generasi muda adalah harapan masa depan agama dan negara. Mereka berperanan memacu negara ke arah yang lebih maju dari sudut



pembangunan rohani dan jasmani, kestabilan serta keharmonian negara.

Kedua : Masa depan negara sama ada dari segi syakhsiah, ekonomi, sosial dan agama adalah terletak di tangan generasi muda. Sekiranya generasi ini rosak, maka akan rosaklah agama, bangsa dan negara di masa hadapan.

Ketiga : Generasi muda perlu menghadapi cabaran semasa seperti serangan ideologi, budaya, identiti, ekonomi dan pendidikan dari musuh-musuh Islam. Sesungguhnya generasi muda yang mampu menghadapi segala cabaran ini ialah mereka yang teguh akidahnya, kukuh imannya dan indah budi pekertinya.

Keempat : Generasi muda perlu memperkayakan ilmu dan pengetahuan agama. Ini kerana ilmu adalah jambatan kemajuan dan agama adalah penyelamat insan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ  
الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٢٧﴾



“(Ibadah itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh peniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan solat serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan”.

(An-Nur : 37)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ  
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ  
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس  
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ  
وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ،  
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.